

# Geran komunal selesai masalah

BH . 23/5/2016

ms . 11

**Kuala Lumpur:** Hanya pengeluaran geran komunal mampu menyelesaikan isu tanah Orang Asli yang mahu mempertahankan kawasan mereka daripada sebarang kegiatan pembalakan sehingga menjelaskan kehidupan mereka.

Penyelaras Jaringan Kampung Orang Asli Pahang (JKOAP), Shafie Dris, yakin hanya menerusi pendekatan itu, dilema yang dihadapi penduduk Orang Asli sejak puluhan tahun dapat diselesaikan.

Katanya, dengan pemberian geran komunal yang dirancang dengan teliti mengikut prosedur undang-undang, tiada lagi pihak yang akan menceroboh tanah Orang Asli jika tidak mahu dikenakan tindakan undang-undang.

“Selagi kerajaan tidak mengesahkan tanah milik Orang Asli, penduduk akan hidup dalam kebimbangan kerana memikirkan nasib generasi akan datang. Kebanyakan tanah milik Orang Asli ini bertindih dengan tanah rizab hutan simpan, rizab kerajaan, serta rizab

Tanah Melayu sejak zaman perintahan British lagi.

## Warta tanah Orang Asli

“Kami tuntut warta terus tanah Orang Asli sama ada dalam Kanun Tanah Negara Seksyen 62 atau Akta 134 Orang Asli 1954 sebelum memproses kepada geran komunal bagi menjadikan ia sebagai tanah adat.

“Sudah tiba masa kerajaan melakukan perkara itu supaya isu pemilikan tanah selesai selain tiada lagi kegiatan pembalakan, sama ada oleh syarikat berlesen atau tidak,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Shafie berkata, kehidupan Orang Asli tidak sama dengan masyarakat lain seperti Melayu, Cina dan India berikutan hutan adalah identiti dan nadi kehidupan mereka sejak zaman berzaman sehingga generasi akan datang.

Katanya, kaum Bateq, contohnya, adalah antara penduduk yang suka tinggal dalam hutan dan menjadikan pucuk kayu, herba dan binatang sebagai makanan mereka.

Info

## Geran Komunal

→ Permohonan tanah dibuat secara berkelompok bagi tukar menjadi tanah adat

→ Sesiapa yang menceroboh kawasan berkenaan boleh dikenakan tindakan undang-undang

[FOTO FATHIL ASRI/BH]



**Gambar** Fail Orang Asli menutup jalan masuk ke tempat pembalakan di Pos Gob, Gua Musang, Kelantan.